



Penghargaan

Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pontian ini dapat disiapkan dengan jayanya hasil daripada kerjasama berbagai pihak di peringkat Kementerian, Jabatan-Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan-badan Berkanun, Pihak Perunding, penduduk tempatan dan orang perseorangan yang telah memberikan maklumat, cadangan dan maklumbalas di dalam semua tahap peringkat kajian ini. Segala kerjasama dan sumbangan amatlah dihargai.

Secara keseluruhan, penyediaan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pontian merupakan bentuk perancangan landskap MDP sejagat dan menyeluruh. Ianya disediakan bagi menyediakan konsep dan cadangan awal dan merupakan rujukan utama kepada firma-firma swasta yang terlibat dalam jururunding landskap, pembangunan landskap dan orang perseorangan. Secara tidak langsung ia merupakan garis panduan yang bertujuan mengawal dan menentukan jenis dan bentuk pembangunan sesuatu kawasan pembangunan landskap.

Sehubungan dengan itu, Majlis Daerah Pontian dapat memantau dan menentukan pola pembangunan landskap seperti yang telah digariskan didalam Pelan Induk Majlis Daerah Pontian. Bentuk-bentuk pembangunan yang telah dilakarkan didalam Pelan Induk akan dijadikan sebagai rujukan untuk perancangan pembangunan landskap pada masa akan datang. Oleh itu, hasrat kerajaan bagi membentuk **PONTIAN DAERAH EKO-PELANCONGAN** akan tercapai apabila perancangan landskap sejagat dan menyeluruh dapat direalisasikan secara berperingkat dan berkesan. Oleh itu, pihak Majlis Daerah Pontian memainkan peranan penting dalam menentukan hasrat tersebut dilaksanakan dengan jayanya.

Sehubungan itu, sumbangan penghargaan diberikan terutamanya kepada Majlis Daerah Pontian (MDP), Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan diatas kerjasama, sumbangan dan bimbingan dalam menyiapkan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pontian ini.

Sekian, Terima Kasih